

Bumiputera digesa kikis sikap ingin cepat kaya

KUALA LUMPUR 28 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru pengusaha bumiputera mengikis sikap ingin kaya cepat jika mahu berjaya dalam perniagaan.

Perdana Menteri menegaskan, selagi sifat ingin kaya cepat berleluasa di kalangan bumiputera selama ini, itulah mereka akan gagal mendapat bahagian mereka dalam ekonomi negara.

"Ih mereka yang kaya cepat tidak akan kaya lama kerana mereka tetap tidak berkebolehan mengurus kekayaan mereka. Harta mereka akan luput dan hilang sebelum pun satu generasi berlalu," katanya semasa berucap melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) di sini hari ini.

Beliau berkata, jelas sekali mereka yang ingin kaya cepat tidak sesuai dalam kebanyakan perniagaan yang mempunyai tempoh pulangan yang panjang.

Semasa bercakap dengan para wartawan selepas majlis itu pula Dr. Mahathir menambah, dalam dunia perniagaan tidak ada tempat bagi mereka yang mahukan keuntungan cepat sebaliknya pengusaha mesti bersabar menunggu hasil perniagaan masing-masing.

Beliau mahu pengusaha bumiputera mencontohi sifat sabar ahli perniagaan Cina, Tan Sri Lim Goh Tong yang sabar memajukan tempat peranginan Genting

yang mengambil masa sembilan tahun sebelum hasilnya diraih.

"Usaha Lim Goh Tong membina jalan naik bukit ke Genting sahaja mengambil masa enam tahun dan mendirikan hotel selama tiga tahun lagi, selepas itu baru mendapat untungnya," jelas beliau.

Dalam ucapannya beliau juga menyatakan selain daripada sifat tamak dan kurang sabar, kegagalan perusahaan bumiputera selama ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti kurang pengalaman, kelemahan pengurusan dan ketidakpercayaan masyarakat terhadap kebanyakan peniaga dan pengusaha bumiputera.

Menurutnya, umum berpendapat sesiapa sahaja boleh berniaga jika berminat dan sering menafikan keperluan pengetahuan khusus mengenai sesuatu perusahaan.

Disebabkan oleh faktor itu, katanya, ramai memasuki bidang perniagaan apabila Dasar Ekonomi Baru di-

lancarkan tanpa mempunyai sebarang persiapan dan akhirnya ramai yang gagal.

"Asalkan sahaja lesen atau kontrak didapati, modal boleh diperolehi dan perniagaan disertai. Walaupun ada yang berjaya melalui proses yang tidak teratur ini namun lebih ramai mereka yang bukan sahaja gagal tetapi mengalami nasib yang lebih buruk iaitu daripada seorang yang tidak berhutang kepada seorang yang berhutang.

"Ramai juga yang menjadi bankrap. Jauh daripada maju ke hadapan, mereka sebenarnya telah berundur ke belakang. Dengan ini ekonomi bumiputera turut terjejas," tambahnya.

Dr. Mahathir juga menegaskan, kegagalan terbesar bumiputera ialah keengganan masyarakat termasuk bumiputera sendiri menerima mereka sebagai peniaga atau pengusaha sehingga mereka terpaksa bergantung pada kontrak kerajaan dan keistimewaan-keistimewaan tertentu.